

Gelaran untuk Hj Yusoff sesuai ekoran kejayaan yang dicapainya



• Haji Yusoff (No. 4 dari kanan) bergambar dengan beberapa orang nazir Masjid Sultan dan rakan perniagaan beliau, termasuk Haji Ambo Soilih (di kanan sekali) di Gedung Kuning.

Tali pinggang bawa kekayaan

BELIAU memulakan perniagaan dengan menjual tali pinggang dan songkok dan mencapai kemajuan yang begitu mengagalkan sehingga beliau digelar Haji Yusoff Tali pinggang.

Gelaran tidak rasmi itu diberikan kepada Haji Yusoff Haji Mohd Noor bukan semata-mata kerana beliau merupakan peniaga pertama di sini yang menjual barang-barang tersebut, tetapi beliau memonopoli perniagaan ini.

Beliau mengambil alih oleh peniaga India.

Daripada seorang pembuat dan penjual tali pinggang dan songkok, beliau telah mengembangkan perniagaannya hingga menjadi pengimport dan pengeksport bahan-bahannya, menjadikan beliau sebagai pembekal utama.

Kedai dan setornya di simpang North Bridge Road dan Jalan Pisang dipenuhi dengan peti-peti mengandungi kain baldi yang menanti untuk dieksport ke Jawa dan Malaysia.

Haji Yusoff menjadi saudagar yang berjaya dan mewah serta memberi munafakat kepada anak-anak cucunya sehingga hari ini, bukan sekadar

dari perniagaan tali pinggang dan songkok, tetapi dari tanah dan rumah yang dimiliki.

Beliau dilahirkan di Kandahar Street sekitar 1850 di tengah-tengah keluarga peniaga. Bapanya, Haji Mohd Noor bin Haji Ali, yang berasal dari Solo memulakan perniagaan di Singapura secara kebetulan, semasa dalam perjalanan pulang dari Mekah.

Didapati Singapura berkebun pesat sebagai pusat perdagangan dan tidak ramal anak Melayu yang berniaga, Haji Mohd Noor membuat keputusan untuk berdagang dan bermastautin di sini.

Rebutan

Sebagai anak saudagar, Haji Yusoff mendapat didikan dan pengalaman selok-belok berniaga, tetapi perniagaan tali pinggang dan songkok yang diceburi adalah atas inisiatifnya sendiri, bukan warisan orang tuanya.

Beliau mula berniaga ketika berusia 22 tahun dari sebuah kedai kecil di 741 North Bridge Road, dan dalam tempoh beberapa tahun kemudian beliau menjadi ahli berhubung dengan tali pinggang dan songkok.

Tali pinggang dan songkok keluarannya yang mempunyai cap sendiri boleh didapati di semua kedai yang menjual barang-barang tersebut, dan menjadi rebutan terutama di musim haji apabila para jemaah dari Indonesia dan seberang tambak berhimpun di sini.

Daripada kedai kecil, syarikatnya berlipat ke sebuah bangunan tiga tingkat di Jalan Pisang, dan perniagaannya semakin rancak dan meluas sehingga sebahagian besar dari perniagaan songkok dan tali pinggang tempatan dimonopolinya.

Menurut seorang anaknya, Haji Ismail, bapanya adalah saudagar yang jujur-cermat, dan keuletangan yang diperolehi tidak dibelanjakan untuk perkara yang bukan-bukan, tetapi dilaburkan dengan membeli tanah dan rumah.

Haji Ismail, 61 tahun, memberitahu bahawa orangnya telah membeli tanah, mendirikan rumah dan kemudahan menyewakannya. Dalam masa beberapa tahun, Alahyarham memiliki harta di beberapa daerah.

Rumah-rumah pertama sebanyak lima pintu telah didirikan di Kandahar Street, disusuli dengan empat pintu dan sebuah banglo di Joo Chiat, sepuluh pintu di Kallang Road. Keempat banglo, kesemua rumah yang didirikan itu telah disewakan.

Selain dari itu, Haji Yusoff juga membeli rumah yang sudah siap di merata tempat, termasuk di Selegie Road, Middle Road, Serangoon Road, Arab Street dan Malabar Street. Beliau juga mempunyai kebun getah, kelapa dan pinang di daerah Changi, kebun 100 ekar dan rumah di Batu Pahat dan rumah sewa di Pulau Pinang.

Berbanding dengan saudagar-saudagar kaya seperti Haji Ambo Soilih, Haji Osman Kaye, Haji Kahar Pulembang dan Haji Mahmud Berlian, Haji Yusoff Tali pinggang tidak kurang mewahnya, berkat dari perniagaan.

Tetapi harta yang dihirupkan itu tidak kekal lama selepas kematiannya. Sebuah demi seduaah rumah dan tanahnya terjual, dalam pembahagian harta pewaris-pewarisnya, atau terlibat dalam pembaharuan semula bandar.

Pagalmanapun, berituan sedikit dengan Haji Yusoff, tidak semua tanah dan rumanyn yang terjual apabila beliau meninggal dunia pada 1950 ketika berusia 95 tahun. Anak-anaknya masih mempunyai dan buah rumah kediaman dan beberapa buah rumah sewa.

Rumah pertama di simpang North Bridge Road dan Jalan Pisang didiami oleh anaknya dari isteri pertama, dan rumah kedua, Gedung Kuning di 73, Sultan Gate diduduki oleh anak-anak dari isterinya yang kedua.

Wasiat

Sementara sewa yang dipungut dari beberapa buah rumah yang masih dimiliki digunakan untuk membiayai kehidupan anak-anaknya, termasuk untuk rawatan dan perubatan.

"Kami boleh menisfikan diri kami bernasib baik kerana orangtua kami berpandangan jauh. Setelah-olahnya, kehidupan kami telah dirancangan, sehinggakan soal perubahan juga tidak dilupakan dalam meninggalkan wasiatnya," kata Haji Ismail.

Dari isteri pertama, Hajah Norbah Haji Abdul Hamid, lahir seorang anak bernama Mohd Khair yang meninggal pada 1971, dan dari isteri kedua, Hajah Aislati Haji Omar, ialah 11 orang anak, tetapi hanya enam yang masih hidup.

Mereka terdiri dari tiga lelaki, Haji Abdul Rahim, Haji Ismail, Haji Ohman dan tiga perempuan, Cik Fatimah, Hajah Salamah dan Hajah Zubrah.

Haji Ismail selanjutnya menjelaskan, walaupun mereka hidup mewah mereka dilarang berpoyaya, seperti kebanyakan anak orang kaya. Sebaliknya, mereka hidup berdisiplin dan semuanya mendapat didikan sekolah. Di bidang kerja-kerja



Kelolaan AHMAD MOHD DON


kemasyarakatan. Haji Yusoff tidak ketinggalan. Beliau adalah nazir Masjid Sultan dan terlibat dalam projek pembaharuannya. Beliau juga tidak asing dalam peraguan dalam masyarakat.



HAJI ISMAIL...orang tua yang pandai berfikir

Perapa kayakah Haji Yusoff Tali pinggang, tidaklah diketahui ternama anak-anaknya. Haji Ismail dan Haji Ohman, yang menjadi penguasa atas harta-hartanya, tidak dapat membuat lakhsiran.

Namun begitu, dari bilangan rumah dan busanya tanah yang diinggalikan, Haji Yusoff Tali pinggang tidak dapat diketepikan sebagai salah seorang saudagar Melayu yang kaya.



• Lambang kekayaan dapat dilihat antaranya dari kenderaan yang dimiliki. Kehidupan Haji Yusoff fongen sebuah kereta kesayangannya.

Berita Harian, Selasa, 21 Disember 1981 (25 Safar 1402)